

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN
JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA BIL. 2/2023**

Tarikh : 13 Julai 2023 (Khamis)
Masa : 3.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama JTM, Aras 6, Blok D4
Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah, JTM
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1 Timbalan Pengerusi menyampaikan salam dan ucapan aluan serta terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang hadir.

Makluman

**2.0 PENGESAHAN MINIT DAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT KKP
BIL 1/2023**

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Jabatan Tenaga Manusia Bil. 1/2023 dirujuk dan disemak serta disahkan.

Makluman

- 2.2 Mesyuarat bersetuju agar latihan mencegah kebakaran diadakan di ILP Kuala Lumpur dengan mengambil kira wakil peserta adalah daripada setiap bahagian dan bukannya daripada setiap unit KKP.

Tindakan: Unit Latihan & Promosi

- 2.3 Mesyuarat dimaklumkan beberapa peralatan bantuan kecemasan seperti kayu sokongan anduh / *splint* masih dalam proses permohonan.

Tindakan: Unit Keselamatan & Perlindungan

- 2.4 Skop tugas Unit Pertolongan Cemas dan Unit Kecemasan Kebakaran & Pengunsian Bangunan telah diperincikan. Komander/pegawai insiden perlu dilantik daripada kalangan Unit Kecemasan Kebakaran & Pengunsian Bangunan. Memo lantikan yang diedarkan perlu dipinda memandangkan lantikan Komander Insiden sedia ada yang dibuat adalah daripada Unit Pertolongan Cemas.

Tindakan: Setiausaha KKP

- 2.5 Prosedur Pengosongan Bangunan telah diemelkan kepada semua pegawai JTM pada 10 Julai 2023. Kaedah imbasan kod QR dan Kad Pengosongan Bangunan akan digunakan bagi tujuan mempercepatkan head count semasa pengosongan bangunan akibat kebakaran, gempa dan sebagainya.

Makluman

3.0 LAPORAN DAN PEMBENTANGAN PELAKSANAAN AKTIVITI KKP

3.1 Unit Audit/ HIRARC Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

- 3.1.1 Laporan Audit Bil. 2/2023 dibentang seperti di Lampiran 1.

Makluman

- 3.1.2 Dapatan daripada audit yang dibuat mendapati masih terdapat peralatan pejabat yang dibiarkan di tepi laluan. Mesyuarat mencadangkan agar peralatan yang tidak digunakan boleh diwarnakan kepada bahagian atau unit lain sekiranya ada yang memerlukan peralatan tersebut.

Tindakan: Bahagian berkenaan

3.2 Unit Keselamatan Perlindungan

- 3.2.1 Ketua Unit Keselamatan Perlindungan memaklumkan memo panduan keselamatan dokumen terperingkat telah diedarkan kepada semua pegawai JTM dan ILJTM pada 12 Jun 2023.

Makluman

- 3.2.2 Dinyatakan dalam panduan bahawa pegawai yang dibenarkan untuk menguruskan dokumen terperingkat adalah di kalangan pegawai gred 48. Namun terdapat bahagian yang tiada perjawatan tersebut sedangkan memerlukan kawalan dokumen terperingkat. Mesyuarat

bersetuju agar surat penurunan kuasa dikeluarkan bagi pegawai yang terlibat.

Tindakan: Ketua Unit Keselamatan Perlindungan

3.3 Unit Kecemasan Kebakaran & Pengunsian Bangunan

3.3.1 Laporan Unit Kecemasan Kebakaran & Pengunsian dibentangkan seperti di Lampiran 2.

Makluman

3.3.2 Mesyuarat menyarankan agar semua bahagian memaklumkan penggunaan aplikasi IAMHERE kepada semua pegawai di bahagian masing-masing. Terdapat 6 Kod QR aplikasi tersebut yang telah diletakkan pada laluan keluar/masuk pejabat dan perlu diimbas semasa pengunsian bangunan.

Tindakan: Semua Bahagian

3.3.3 Mesyuarat mencadangkan agar inisiatif bahagian masing-masing boleh diambil sebagai langkah penambahbaikan untuk memudahkan pergerakan keluar semasa pengunsian bangunan.

Makluman

3.3.4 Mesyuarat bersetuju agar senarai pegawai jabatan pada borang BKKP-03-02 disediakan oleh wakil pekerja.

Tindakan: Wakil Pekerja

3.4 Unit Pertolongan Cemas

3.4.1 Ketua Unit Pertolongan Cemas membentangkan laporan seperti di Lampiran 3.

Makluman

3.4.2 Lantikan First Aider dan Emergency Response Team telah dibuat. Senarai lantikan tersebut telah dimasukkan ke dalam Borang BKKP-06-01 dan akan dipamerkan di setiap bahagian.

Tindakan: Unit Pertolongan Cemas

3.4.3 Mesyuarat bersetuju agar kursus pertolongan cemas diadakan kepada semua First Aider yang dilantik bagi dipersijilkan dengan *Proficiency Certificate* dengan tempoh sahlaku selama tiga tahun. Mesyuarat

menyarankan agar permohonan peruntukan bagi tujuan latihan diangkat ke dalam Mesyuarat Latihan.

Tindakan: Unit Pertolongan Cemas

- 3.4.4** Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan telah mendapat teguran audit kewangan pada tahun lepas berikutan pembelian ubat-ubat dan peralatan peti pertolongan cemas menggunakan duit *petty cash*. Mesyuarat bersetujua agar pembelian bagi tahun hadapan perlu dimasukkan ke dalam perbelanjaan stor.

Tindakan: Unit Pertolongan Cemas

3.5 Unit Latihan dan Promosi

- 3.5.1** Seramai 14 orang pegawai ILJTM akan menghadiri Kursus SHO yang akan diadakan pada 31 Julai hingga 14 Ogos 2023.

Makluman

- 3.5.2** Unit Latihan dan Promosi akan bekerjasama dengan Unit Pertolongan Cemas untuk mengadakan Kursus Pertolongan Cemas di ILP Kuala Lumpur. Tarikh pelaksanaan akan dimaklumkan kelak.

Tindakan: Unit Latihan dan Promosi

3.6 Wakil Majikan / Pekerja

- 3.6.1** Mesyuarat bersetuju agar setiap bahagian perlu ada lantikan wakil majikan dan wakil pekerja. Penyelarasan lantikan perlu dibuat memandangkan terdapat bahagian yang tiada wakil pekerja. Lantikan baharu akan dibuat bagi mana-mana bahagian yang terlibat.

Tindakan: Setiausaha KKP

4.0 HAL-HAL LAIN

- 4.1.1** Mesyuarat menyarankan agar pegawai berkumpul mengikut bahagian masing-masing semasa pengunsian bangunan bagi memudahkan urusan *head count*.

Tindakan: Semua Bahagian

4.1.2 Mesyuarat dimaklumkan kuantiti vest bagi kegunaan komander insiden masih belum mencukupi dan bersetuju agar pembelian dimasukkan dalam perolehan tahun hadapan.

Tindakan: Unit Kecemasan Kebakaran & Pengunsian

4.1.3 Mesyuarat menyarankan agar taklimat atau hebahan prosedur keselamatan dibuat kepada semua pegawai JTM berhubung pergerakan semasa pengunsian bangunan.

Tindakan: Unit Kecemasan Kebakaran & Pengunsian Bangunan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.12 petang dengan ucapan terima kasih daripada Timbalan Pengerusi.

Disediakan Oleh



Urus Setia

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan JTM

Tarikh: 14 Julai 2023

Disemak oleh:



Setiausaha KKP

Jabatan Tenaga Manusia

Tarikh: 20/7/2023

Hadir:

1. Dr. Azmir bin Mohd Yunus – Timbalan Pengerusi
2. Encik Azizul bin Mustafa – Unit Keselamatan Perlindungan
3. Puan Junnaina binti Husin Chua - Unit Audit / HIRARC KKP
4. Encik Zahari bin Jusoh – Unit Kecemasan Kebakaran & Pengosongan Bangunan
5. Encik Rostam bin Hashim – Unit Pertolongan Cemas
6. Noraishah binti Azman – Unit Latihan
7. Encik Mohd Norisham Fadly bin Mat Ariffin – PKK Ibu Pejabat / Setiausaha
8. Encik Abdul Halim bin Ali Mohamad – Wakil Majikan
9. Encik Noor Imran bin Mohamad – Wakil Pekerja
10. Encik Mohd Azli bin Ariffin – Wakil Pekerja
11. Encik Sukri bin Mohamed – Wakil Pekerja
12. Puan Nurul Azreen binti Aziz – First Aider Aras 8 / Urus setia 1
13. Puan Khaliza binti Khalid - First Aider Aras 6 / Urus setia 2
14. Encik Rostam bin Hamzah – Urus Setia JKPP

Tidak Hadir (dengan maaf):














1. Ts. Kamaruzaman bin Md. Ali - Pengerusi KKP JTM
2. Hajah Noor Lisa Rahmat – Wakil Majikan
3. Cik Hajah Junita binti Mohamed Ali – Wakil Majikan
4. Encik Jesudian Arulraj Al Chelliah – Wakil Pekerja
5. Puan Anisah binti Tinguan – Wakil Majikan

Turut Hadir

1. Abdul Hadi bin M Sirat – Cawangan Pentadbiran

MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
JABATAN TENAGA MANUSIA BIL. 3/2021
TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA, ARAS 6, JTM
TARIKH : 13 JULAI 2023 (KHAMIS)
MASA : 2.30 PETANG

SENARAI KEHADIRAN

BIL	NAMA	JAWATAN	BAHAGIAN	TANDATANGAN
1	Ts. Kamaruzaman bin Md. Ali	Pengerusi KKP Jabatan	TKP	
2	Dr. Azmir bin Mohd Yunus	Timbalan Pengerusi	BKT	
3	Encik . Zahari bin Jusoh	Unit Kecemasan Kebakaran & Pengosongan Bangunan	BKT	
4	Encik Azizul bin Mustafa	Unit Keselamatan Perlindungan	BKP	
5	Puan Junnaina binti Husin Chua	Unit Audit/ HIRARC Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	BPP	
6	Encik Azizul bin Mustafa	Unit Keselamatan Perlindungan	BKP	
7	Encik Rostam bin Hashim	Unit Pertolongan Cemas/ Komander Insiden	BPK	
8	Puan Noraishah binti Azman	Unit Latihan	BPK BKP	
9	Encik Mohd Norisham Fadhly bin Mat Ariffin	Setiausaha	BPL	
10	Encik Abdul Halim bin Ali Mohammed	Wakil Majikan	BPK	
11	Cik Hajah Junita binti Mohamed Ali	Wakil Majikan	BPL	
12	Cik Hajah Noor Lisa Rahmat	Wakil Majikan	BKT	-
13	Encik Noor Imran bin Mohamad	Wakil Pekerja	BPL	
14	Encik Mohd Azli bin Ariffin	Wakil Pekerja	BPK	
15	Encik Jesudian Arulraj a/ Cheliah	Wakil Pekerja	BKP	
16	Encik Sukri bin Mohamed	Wakil Pekerja	BPP	
17	Encik Rostam bin Hamzah	Urusetia	BPL	
18	Puan Nurul Azreen bt Aziz	First Aider Aras 8/ Urusetia 1	ERT/BKT	
19	Puan Khaliza binti Khalid	First Aider Aras 6/ urusetia 2	ERT/BKP	